

Sidang Kemuncak CEO APEC

Jurang digital, isu etika penggunaan cabaran negara adaptasi teknologi AI

Kerajaan perlu laksana lonjakan kuantum bagi transformasi digital untuk kekal berdaya saing

Oleh Kamarulzaidi Kandas
kamarulzaidi@bh.com.my

Lima, Peru: Negara ekonomi baru muncul memerlukan lonjakan kuantum dalam melaksanakan transformasi digital untuk kekal berdaya saing dan kukuh, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, kecerdasan buatan (AI) pemangkin utama kepada transformasi ini, namun dua cabaran besar yang

dihadapi Malaysia dalam mengadaptasi teknologi AI sepenuhnya, iaitu jurang digital dan isu etika penggunaannya.

“Jika anda ingin melihat ekonomi baru muncul berjaya, kekal kompetitif dan mampan, lonjakan kuantum perlu dilaksanakan dan AI ialah jawapannya, bagi pelaksanaan transformasi digital.

“Meskipun Malaysia berjaya menarik pelaburan besar dalam teknologi AI, kerajaan sedar beberapa isu perlu ditangani bagi memastikan pelaksanaan transformasi digital berjalan lancar,” katanya.

Beliau menegaskan kepentingan AI dalam memastikan ekonomi baharu terus kompetitif dan mampan, sambil menyatakan lonjakan kuantum dalam ekonomi tidak boleh dicapai tanpa perubahan besar dalam pendekatan dasar dan pengurusan sumber.

Transformasi digital, katanya,

memerlukan lebih daripada sekadar pelaburan kewangan, tetapi turut membabitkan perubahan struktural dalam aspek tenaga kerja, infrastruktur dan ekosistem pendidikan.

Beliau berkata demikian ketika menjadi panel Sidang Kemuncak CEO APEC di sini kelmarin.

Panel lain termasuk Naib Presiden Data dan AI Microsoft, Zia Mansoor; CEO Vobile, Yangbin Wang serta Naib Presiden Hal Ehwal Kerajaan dan Dasar Awam Google, Karan Bathia dengan Ahli Majlis Penasihat Perniagaan APEC (ABAC) Kanada, Jan De Silva sebagai moderator.

Bertemakan 'Peluang dan Cabaran dalam Revolusi AI' sidang kemuncak ini sebahagian program Mesyuarat Pemimpin-Pemimpin Ekonomi APEC (AELM).

Yang hadir sama, Menteri Luar Datuk Seri Mohamad Hasan dan Menteri Pelaburan, Perdagangan

dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz.

Sementara itu, Anwar berkata, pendemokrasian pendidikan kunci utama untuk menghadapi cabaran yang dibawa oleh AI dan kemajuan teknologi digital.

Perdana Menteri menegaskan pendidikan dan latihan dalam bidang digital dan AI perlu diberi perhatian serius, dengan memastikan semua lapisan masyarakat mendapat peluang yang sama rata.

Beliau menjelaskan cabaran yang timbul akibat revolusi teknologi itu, walaupun berbeza, tidak jauh bezanya dengan gangguan yang berlaku semasa Revolusi Perindustrian.

“Semasa Revolusi Perindustrian, terdapat gangguan besar tetapi manusia menggunakan kebijaksanaan dalam kepakaran dan inovasi untuk mencipta pe-

kerjaan baru,” katanya sambil menegaskan dengan pendekatan yang tepat, gangguan AI boleh diatasi.

Dalam konteks Malaysia, Anwar menekankan usaha kerajaan untuk menumpukan pendidikan digital sebagai sebahagian daripada inisiatif memperkasa rakyat.

Beliau mengaitkan usaha ini dengan usaha pembasmian buta huruf suatu ketika dahulu, dengan memperkenalkan kemahiran asas membaca dan menulis kepada seluruh masyarakat.

Sehubungan itu tegas beliau, kemahiran literasi digital dan penguasaan AI ialah sama pentingnya.

“Kita cuba di beberapa daerah, iaitu pelajar yang lemah dalam matematik dan sains berjaya menguasai pengkodan. Ini menunjukkan walaupun tanpa pendidikan formal, kebijaksanaan manusia boleh mendorong kejayaan,” katanya.